

25/04/2003

Penggiliran KM Sabah terus jadi perbincangan

Lichong Angkui

MUNGKINKAH sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diperkenalkan sembilan tahun lalu kini menghampiri penghujungnya?

Tentunya masih terlalu awal untuk meramalkan nasib dan kesudahan sistem

berkenaan kerana sebarang keputusan untuk mengubahnya memerlukan persetujuan secara konsensus semua sembilan anggota komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Tetapi berdasarkan perkembangan dalam mesyuarat perwakilan bahagian Umno

yang sedang berlangsung di Sabah sekarang, ternyata nada suara beberapa ahli parti menunjukkan minat supaya sistem itu dikaji semula.

Begitupun, ia bukan pendirian rasmi Umno Sabah kerana pada peringkat Badan Perhubungan Umno negeri, perkara itu masih belum menjadi agenda perbincangan rasmi.

Daripada 11 bahagian Umno Sabah yang sudah bermesyuarat setakat ini, belum ada satu pun meluluskan usul berhubung sistem penggiliran itu.

Cuma isu berkenaan disentuh secara spontan oleh pemimpin dua bahagian -

Penampang dan Kota Belud - ketika menyampaikan ucapan alu-aluan mereka kepada sidang perwakilan.

Pada peringkat Pergerakan Pemuda dan Puteri juga belum ada kedengaran dibangkitkan isu berkenaan.

Cuma pada peringkat Pergerakan Wanita, tiga daripada 18 bahagian yang sudah bermesyuarat - Libaran, Tenom dan Keningau - sepakat meluluskan usul

agar sistem penggiliran itu dimansuhkan.

Namun, ia sekadar pendirian sayap kiri parti dan bukan mewakili suara bahagian keseluruhannya.

Hujah yang diutarakan, sama ada dalam ucapan spontan ketua bahagian atau

sewaktu perbincangan usul pada peringkat Pergerakan Wanita, ialah sistem itu

sedikit-sebanyak menjejaskan pelaksanaan agenda pembangunan untuk rakyat,

dengan memberikan beberapa contoh sebagai rujukan.

Apalagi kini, Sabah sudah melakar sejarah politik tersendiri dengan kedudukan sifar pembangkang berikutan kemasukan semula Parti Bersatu Sabah

(PBS) ke dalam BN awal tahun lalu.

Mereka sependapat tanpa penggiliran jawatan itu sekalipun, ketiga-tiga rumpun etnik utama di Sabah, iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina, masih dapat terus berkongsi kuasa menerusi pemilihan mereka sebagai anggota Kabinet negeri.

Malah, bukti paling jelas perkongsian itu ialah menerusi pelantikan tiga

Timbalan Ketua Menteri yang mewakili ketiga-tiga rumpun etnik utama.

Sistem unik itu diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada majlis pemimpin bersama rakyat di Beaufort ketika kempen

bagi pilihan raya negeri 1994, sekali gus dilaksanakan apabila BN mengambil alih kepimpinan kerajaan negeri.

Matlamat sistem itu adalah memberi peluang kepada pemimpin dari tiga kelompok masyarakat utama untuk bergilir menerajui kerajaan negeri dengan masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Sistem itu diubahsuai dua tahun lalu dengan pemimpin Umno diberikan tempoh dua penggal bagi setiap penggiliran berbanding hanya satu penggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Ketua Menteri sekarang, Datuk Musa Aman adalah dalam penggal kedua pusingan baru bagi Umno selepas penggal pertama dulu diterajui Datuk Osu Sukam.

Hingga kini, sudah tujuh Ketua Menteri dilantik menerusi sistem itu.

Sekiranya sistem itu diteruskan, bermakna Ketua Menteri selepas Musa akan mewakili kuota Bumiputera bukan Islam (iaitu masyarakat Kadazandusun/Murut).

PBS yang dilihat sebagai mewakili masyarakat Kadazandusun/Murut begitu vokal menentang pelaksanaan sistem penggiliran itu, sama ada ketika menjadi pembangkang dulu atau sesudah menyertai semula BN.

Malah, pada satu peringkat, PBS berterus-terang mahu sistem itu dimansuhkan kerana menganggap ia tidak praktikal.

Tetapi untuk memansuhkannya, ia tidak boleh dilakukan hanya oleh Umno dan PBS kerana pandangan parti komponen lain perlu diambil kira dan persetujuan sebulat suara mesti diperoleh.

Yang penting bagi Umno Sabah, terutama bahagian yang akan bermesyuarat selepas ini, janganlah terlalu dibuai emosi dengan soal berkaitan sistem penggiliran saja.

Ini kerana ada cabaran lebih besar menanti dalam tempoh terdekat ini, iaitu pilihan raya negeri yang harus diadakan dalam tempoh kira-kira 11 bulan dari sekarang.

Bagi sesetengah rakyat, mungkin isu penggiliran ini begitu sensitif kerana ternanti-nanti giliran pemimpin mereka untuk dinobatkan sebagai Ketua Menteri walaupun hanya bagi tempoh sesingkat dua tahun.